

SUMBANGAN SHEIKH ABDULLAH BASMEIH DALAM BIDANG AL-QURAN

Nur Ain Hakimi Binti Zakaria¹
Juliana Binti Yusup²
Nuruladha Binti Majidi³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (Emel : ainhakimi99@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (Emel : jumero157@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (Emel : adhamajidi@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia (Emel : syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Kajian ini adalah sebuah kajian yang berkenaan dengan sumbangan seorang tokoh dalam bidang Al-Quran di Malaysia, Sheikh Abdullah Basmeih. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sumbangan dari segi kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan oleh tokoh Al-Quran dan bagaimana kajian dan penyelidikan tersebut memberi impak dalam memartabatkan ilmu Al-Quran terhadap masyarakat di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui kaedah kualitatif, iaitu kaedah perpustakaan dan melalui karya-karya yang dihasilkan oleh beliau. Kajian ini juga disokong oleh fakta-fakta yang diperolehi hasil pengumpulan maklumat daripada sumber-sumber yang berkaitan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa kajian yang dilakukan oleh tokoh pilihan pengkaji menjurus kepada kepakaran beliau dalam bidang Al-Quran dan dapat dilihat daripada hasil beliau dalam menerbitkan sebuah buku yang berjudul *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Buku tafsir ini merupakan buku terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Mandarin. Melalui penerbitan buku ini, beliau telah memudahkan masyarakat umum memahami al-Quran kerana beliau menggunakan bahasa yang mudah difahami. Penerbitan buku ini juga mengalakkan masyarakat lebih dekat dengan al-Quran. Hasil kajian ini juga dapat dilihat bahawa karya beliau memberi banyak impak kepada penambahbaikan masyarakat dalam bidang al-Quran. Oleh itu, kajian ini merupakan sebuah penghargaan ke atas sumbangan yang telah dilakukan oleh beliau sebagai seorang tokoh dalam bidang Al-Quran.

Kata Kunci: sumbangan, bidang Al-Quran, Sheikh Abdullah Basmeih, tafsir, tafsir pimpinan Ar-Rahman

Pendahuluan

Al-Quran merupakan wahyu daripada Allah yang bertujuan untuk memandu hidup manusia di dunia. Namun, jika kita sekadar membaca al-Quran tanpa memahami maksud kalam-Nya, sudah tentu penghayatan kita terhadap isi al-Quran menjadi berkurangan. Oleh hal yang demikian, peranan yang dimainkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih ini merupakan suatu usaha yang sangat bermanfaat kepada masyarakat khususnya di Malaysia dalam bidang tafsiran al-Quran.

Sheikh Abdullah Basmeih merupakan seorang tokoh dalam bidang al-Quran. Beliau telah memberikan sumbangan yang besar dan tidak ternilai kepada bidang al-Quran terutamanya dalam bidang tafsiran al-Quran. Pengorbanan dan jasa beliau dalam kegiatan penulisan dan tafsiran sangat besar. Berkat perjuangan dan usaha yang gigih, beliau telah menghasilkan karya-karya berkaitan dengan ilmiah. Salah satu buku yang ditulis oleh Sheikh Abdullah Basmeih ialah Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, iaitu sebuah buku terjemahan al-Quran kepada pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Karya-karya beliau sangat memberi manfaat kepada masyarakat supaya lebih mengenal dan mendekati al-Quran. Karya beliau juga telah mendapat sambutan daripada umat Islam di Nusantara. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan beliau dalam terjemahan al-Quran sesuai untuk kegunaan kesemua lapisan masyarakat. Oleh itu, melalui karya-karya tersebut, beliau melonjakkan nama dalam bidang penterjemahan al-Quran ke dalam Bahasa Melayu.

Semangat dan kesungguhan beliau dalam memartabatkan Islam dan orang Melayu walaupun beliau sendiri bukan berbangsa Melayu sememangnya patut dikenang. Pemergian tokoh ini merupakan satu kehilangan yang amat besar dan mendukacitakan bagi umat Islam di Malaysia kerana usahanya menterjemahkan Al-Quran dan hadis bukanlah suatu tugas yang mudah dan ia memakan tempoh yang sangat panjang.

Kajian Literatur

Terdapat tujuh perkara yang akan dibincangkan di dalam tinjauan literatur antaranya ialah biografi Sheikh Abdullah Basmeir, pendidikan beliau di Tanah Melayu. Selain itu, kami juga menyenaraikan karya-karya yang dihasilkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Kemudian, kegiatan penterjemahan dan penghasilan tafsir pimpinan Ar-Rahman. Akhir sekali, pemergian beliau meninggalkan jasa dan beliau telah ditaburi anugerah.

Biografi Sheikh Abdullah Basmeih

Nama penuh beliau ialah Sheikh Abdullah Basmeih bin Sheikh Muhammad Basmeih. Beliau berketurunan Arab di kedua-dua belah pihak ibu dan ayah beliau. Ayah beliau bernama Sheikh Muhammad Basmeih bin Salleh Basmeih yang berasal dari Hadramawt di Yaman, manakala ibu beliau bernama Aisyah binti Abdullah bin Hammad yang berasal dari wilayah Bishah Arab Saudi. Basmeih adalah gelaran bagi keturunan beliau. Sheikh Abdullah Basmeih telah dilahirkan pada 29 Disember 1913. Dalam catatan lain beliau dikatakan dilahirkan pada tahun 1915 kerana umur beliau sewaktu berhijrah ke Tanah Melayu pada tahun 1927 ialah 12 tahun.¹

Beliau dilahirkan di suatu tempat bernama Ma'abdah yang terletak berhampiran dengan Mekah. Beliau dibesarkan di bumi Mekah al-Mukarramah sehinggalah beliau berhijrah ke Tanah Melayu selepas itu kerana mengikut bapa beliau. Sheikh Abdullah Basmeih telah menjadi yatim semasa berumur kurang dari dua tahun sewaktu ibu beliau, Aisyah meninggal dunia. Selepas itu beliau dijaga dan dibesarkan oleh ibu saudara beliau Khadijah Hammad. Khadijah Hammad dipanggil sebagai "ammati wa khalati" iaitu yang bermaksud ibu saudara sebelah bapaku dan ibu saudara sebelah ibuku kerana beliau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kedua-dua belah pihak iaitu di pihak ayah dan ibu Sheikh Abdullah Basmeih.²

¹ Wan Ramizah Hassan (2000). Sumbangan Abdullah Basmeih dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Universiti Malaya.

² Mohd Farid Ravi (2011). Syeikh Abdullah Basmeih: Kajian Terhadap Mastika Hadis. Institusi Kajian Hadis, KUIS.

Sheikh Abdullah Basmeih hanya mempunyai dua orang adik beradik lelaki sebapa iaitu Sheikh Said dan Sheikh Salim. Kedua-duanya adalah hasil daripada perkongsian hidup Sheikh Muhammad Basmeih dengan wanita Melayu yang bernama Yang Chik binti Haji Kesah yang berasal dari Kampung Sungai Kertah Pengkalan Balak Melaka. Selepas bapanya meninggal dunia, Sheikh Abdullah Basmeih menggalas tanggungjawab mencari rezeki bagi meringankan beban ibu tiri beliau walaupun pada masa itu, beliau masih bersekolah. Beliau pernah menjual nasi lemak, menoreh getah, bersawah padi dan menjual buah serta ikan. Beliau juga pernah bekerja sebagai buruh di Pahang, pembantu tukang masak dan penjual kain dan rojak.

Pendidikan Sheikh Abdullah Basmeir Di Tanah Melayu

Sheikh Abdullah Basmeih merupakan seorang tokoh yang ulung di Malaysia, pendidikan yang diperolehnya bukanlah seperti kebanyakan ulama yang lain. Pendidikannya bermula sewaktu beliau tinggal di Mekah dan beliau sempat menuntut ilmu di Suq al-Layl. Seterusnya, beliau dihantar oleh ayahnya untuk belajar agama di masjid Mekah sewaktu beliau berusia tujuh tahun. Namun, tempoh pembelajaran beliau di sana hanya sebentar sahaja memandangkan beliau dibawa oleh ayahnya berhijrah ke Tanah Melayu ketika berusia 12 tahun. Selepas itu, bermulalah kehidupan beliau di Tanah Melayu. Sheikh Abdullah Basmeih dididik mengikut suasana masyarakat tempatan pada waktu itu. Pendidikannya yang berlangsung selama empat tahun di Mekah di samping penguasaan Bahasa Arabnya yang baik menjadi kunci kepada kegiatan penterjemahan yang dilakukan oleh beliau ke atas pelbagai artikel dan kitab berbahasa Arab.

Semasa baru berhijrah ke Tanah Melayu, Sheikh yang tidak tahu berbahasa Melayu dan beliau telah mendapatkan pendidikan di Sekolah Melayu Pengkalan Balak, Melaka dengan pertolongan guru besar sekolah berkenaan, iaitu Cikgu Tamby Chik bin Abdul Karim. Walaupun ketika itu usianya telah menjangkau 14 tahun, namun beliau tetap diterima belajar di sekolah tersebut. Persekitaran dan pergaulan beliau dengan masyarakat tempatan membolehkan beliau menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

Beliau berjaya menamatkan pelajaran darjah limanya pada tahun 1931. Selepas itu, walaupun beliau sangat berminat untuk memasuki sekolah aliran Inggeris, beliau tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana mempunyai masalah kewangan. Persekitaran dan pergaulan beliau dengan masyarakat tempatan membolehkan beliau menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

Karya-Karya Sheikh Abdullah Basmeih

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang penulisan, Sheikh Abdullah Basmeih banyak mengarang karya-karya yang amat berharga. Antaranya ialah:

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Pengertian Ayat-ayat al-Quran (naskhah jawi dan naskhah rumi)

Mukadimah Mastika Hadis

Mastika Hadith Rasulullah s.a.w (iman- tauhid)

Mastika Hadith Rasulullah s.a.w (sembahyang)

Khutbah Haji Wada'- Khutbah Rasulullah s.a.w.

Panduan Mengurus Jenazah

Kedudukan Masjid Dalam Islam

Sejarah Hidup Siti Aisyah (1950)

Sejarah Hidup Abu Bakar al-Siddik (1951)

Sejarah Hidup Nabi Muhammad (1952-1953)

Panduan Kanak-kanak Sembahyang

Muqaddam al-Quran

Hikayat Salahuddin al-Ayyubi

Kegiatan Penterjemahan

Abdullah Basmeih merupakan salah seorang cendekiawan, pemikir dan penulis yang mempunyai persepsi yang tinggi dan sensitiviti yang mendalam terhadap isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat. Bakat penulisannya itu disedari oleh pengarang akhbar Utusan Melayu iaitu Haji Mohammad Dahlan Masood. Dengan bakat yang Sheikh Abdullah ada, beliau diberikan kepercayaan untuk menterjemah artikel daripada majalah al-Musawwar untuk dimuatkan ke dalam Utusan Melayu. Beliau juga banyak menterjemahkan artikel berkaitan agama dan wanita daripada majalah terbabit yang diterbitkan oleh Syarikat Al-Hilal di Mesir. (Azman Ariffin, Kasyfullah Abd. Kadir, Idris Mansor,2018).³

Sheikh Abdullah Basmeih juga pernah berkhidmat untuk Qalam Press selama 12 tahun. Syed Abdullah Hamid al-Idrus, pemilik penerbitan Qalam turut berminat dengan kebolehan beliau sekaligus menawarkan jawatan kepada beliau sebagai pembantu pengarang untuk majalah bulanan agama penerbitan Al-Qalam. Sepanjang tempoh 12 tahun perkhidmatannya bersama Al-Qalam, Sheikh Abdullah Basmeih telah menterjemahkan lebih daripada 30 buah buku yang berkaitan riwayat hidup Rasulullah S.A.W., isteri-isteri dan anak-anak baginda serta para sahabat baginda.

Beliau juga menulis dan menterjemahkan artikel dalam pelbagai bidang seperti tasawwur, tafsir, hadis, aqidah, sejarah, sosial dan politik sepanjang bertugas di sana. Hasil kerja Abdullah Basmeih dan rakan sekerjanya di Qalam Press telah menarik perhatian Universiti Kyoto, Jepun sehingga sebuah perjanjian telah termeterai di antara kerajaan Malaysia dengan Universiti Kyoto untuk mendigitalkan kesemua isu yang dikeluarkan oleh Majalah Al-Qalam supaya dapat diakses secara percuma.

Penghasilan Tafsir Ar-Rahman

Judul lengkap kepada karya ini ialah "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an. Ia lahir dari hasrat Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama agar usaha penterjemahan Al-Qur'an dilakukan segera. Pada mulanya, usaha penterjemahan dilakukan oleh Ustaz Faisal bin Hj Othman dan kemudiannya diteruskan oleh Sheikh Abdullah bin Mohd. Basmeih. Tafsir ini disemak oleh Hj. Muhammad Noor bin Hj Ibrahim, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan pada waktu itu. Tafsir ini buat pertama kalinya dicetak pada tahun 1968, (jilid pertama) dengan versi tulisan jawi dan diterbitkan oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia.(Ahmad Najib,2020).⁴ Ketekunan dan kegigihan beliau dalam menterjemahkan 30 juzuk Al-Quran ke dalam Bahasa Melayu wajar dikenang. Beliau mengambil tempoh selama 5 tahun untuk menyempurnakan karyanya itu.

Secara umum Sheikh Abdullah Basmeih melakukan tiga perkara utama sepanjang penulisan beliau iaitu; menulis mukadimah yang menerangkan secara ringkas isi kandungan yang terdapat dalam sesebuah surah, menterjemah ayat-ayat AlQuran dengan menggunakan kaedah dan mentafsir sebahagian ayat yang dirasakan perlu diberi penjelasan. Penjelasan tersebut diletakkan sebagai nota kaki di bahagian bawah halaman ayat tersebut.

Namun demikian ayat-ayat tertentu sahaja yang diberi huraian dan penjelasan oleh beliau, selebihnya hanyalah terjemahan ayat. Antara aspek yang lazim ditonjolkan ialah sebab turun ayat, kesinambungan ayat, istilah-istilah khusus, namanama tempat, kisah peperangan, kisah Nabi-nabi dan umat-umat terdahulu dan sebagainya. Oleh kerana itu, kitab tafsir ini sebenarnya lebih sesuai dikategorikan sebagai terjemahan kepada ayat-ayat Al-Quran secara tafsiriyat mukhtasirat (tafsiran ringkas).(Adriana Batrisyia Binti Amran, Ahmad Bazli Bin Ahmad Hilmi,2021).⁵

³ Azman Ariffin, Kasyfullah Abd. Kadir and Idris Mansor (2018), Archeological Analysis of Arabic-Malay Translation Works of Abdullah Basmeih. International Islamic University Malaysia.

⁴ Ahmad Najib Abdullah (2020), Manhaj Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Dan Al-Qur'an Dan Terjemahnya Dalam Pentafsiran Ayat-Ayat Al-Qasas: Kajian Perbandingan Dari Sudut Pengambilan Israiliyat. Universiti Malaya.

⁵ Adriana Batrisyia Binti Amran, Ahmad Bazli Bin Ahmad Hilmi (2021). Terjemahan Makna Lindung Dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Analisis Tema. Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia.

Karyanya ini berhasil melonjakkan nama Sheikh Abdullah Basmeih dalam bidang penterjemahan Al-Quran ke dalam Bahasa Melayu. Projek ini juga diletakkan di bawah penyeliaan Jabatan Perdana Menteri. Versi asalnya adalah dalam tulisan Jawi sebelum dialih kepada tulisan Roman untuk menggalakkan lagi masyarakat supaya lebih dekat dengan Al-Quran. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman juga telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil.

Karya beliau telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada umat Islam di Nusantara. Hal ini dapat dibuktikan terutama apabila ianya diterbitkan beberapa kali pada tahun 1982, 1985, 1987, 1988, 1992, 1999, 2000, 2001 dan 2010. Respon yang baik daripada masyarakat terhadap karyanya ini mungkin didorong daripada pendekatannya dalam penterjemahan yang ternyata sesuai untuk kegunaan kesemua lapisan masyarakat.

Hasil kerja Sheikh Abdullah Basmeih ini diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sehingga terjemahan tersebut dijadikan sebagai rujukan dan panduan yang perlu diikuti oleh kesemua terjemahan Al-Quran ke dalam Bahasa Melayu di Malaysia. Tafsir ini juga menjadi rujukan di semua sekolah di Malaysia sehingga ke hari ini. Sheikh Abdullah Basmeih turut menterjemahkan Tafsir Ila Al-Quran Al-Karim karangan Sheikh Muhammad Syaltut dari Mesir dan meletakkan nama Intisari Al-Quran sebagai judul kitab berkenaan.

Tafsir Ar-Rahman

Tafsir Ar-Rahman merupakan salah satu kitab tafsir yang penting dan memberi manfaat kepada masyarakat Islam di Malaysia. Sheikh Abdullah Basmeih menghasilkan kitab ini dengan cara terjemahan beliau sendiri tanpa terikut dengan mana-mana penterjemah lain. Beliau banyak merujuk kitab-kitab yang muktabar semasa menghasilkan kitab terjemahan ini. Antara kitab-kitab yang dirujuk oleh beliau ialah Jami' al-Bayan oleh al-Tabari, Tafsir Al-Quran Al-'Azim oleh Ibn Kathir, Tafsir Ruh al-Ma'ani oleh al-Alusi dan banyak lagi. (Abusyakin, 2008)

Dari segi cara terjemahan makna, Ismail Yusoff (1995) mengatakan bahawa Sheikh Abdullah Basmeih telah menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca, selain itu dibuat penjelasan pada nota kaki bagi menjelaskan mana-mana ayat yang perlu diberi penjelasan. Seterusnya, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman ini memberi impak besar dalam bidang terjemahan al-Quran kerana ia dijadikan bahan kajian oleh para penyelidik terutamanya berkaitan pendekatan atau kaedah terjemahan. Antaranya adalah Munif Zariruddin Fikri Nordin dan Mohd Shabri Yusof (2015).⁶

Akhir sekali, Sheikh Abdullah Basmeih membahagikan isi kandungan kitab ini kepada tiga bahagian. Bahagian pendahuluan, isi dan penutup. Pada bahagian metodologi pentafsiran pula, beliau membahagikan kepada beberapa bahagian iaitu tafsir al-Quran dengan al-Quran, tafsir al-Quran dengan hadis, sebab penurunan ayat al-Quran, huruf muqatta'ah, munasabah ayat, ayat-ayat hukum, kisah-kisah nabi dan umat terdahulu dan akhir sekali penjelasan kepada istilah-istilah.

Mastika Hadis (Kesinambungan Daripada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman)

Selain daripada Tafsir Ar-Rahman, Sheikh Abdullah Basmeih juga menghasilkan sebuah lagi karya ulung iaitu Mastika Hadis Rasulullah S.A.W. Kitab ini merupakan kitab terjemahannya yang kedua. Kitab tersebut dianggap sebagai kesinambungan daripada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman.

Projek yang dilaksanakan oleh JAKIM pada awal tahun 1970 ini merupakan cetusan idea daripada Tun Haji Abdul Razak bin Husin, yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu yang bertujuan untuk menghasilkan sebuah bahan bacaan dan rujukan dalam bidang

⁶ Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman, Norfazila Ab. Hamid (2017). Tafsir Pimpinan ar-Rahman: Tinjauan Terhadap Unsur Kesopanan Dalam Sociolinguistik Melayu. The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal.

hadis yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Usaha ini telah mendapat sokongan yang kuat daripada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Kitab yang memiliki empat jilid tersebut telah menjadi sumber rujukan oleh seluruh masjid di Malaysia bagi pengajian hadis. Sheikh Abdullah Basmeih hanya sempat menyiapkan tiga jilid sahaja manakala pada jilid yang keempat, beliau hanya mengumpulkan hadis berkaitan ibadah haji. Beliau menjalinkan kerjasama dengan Mohd. Noor bin Ibrahim dan Ismail bin Yusuf dalam penghasilan mukadimah dan jilid pertama bagi kitab ini. Jilid kedua dan ketiga pula merupakan hasil usahanya sendiri dan telah disemak dan disahkan oleh Sheikh Abdullah Mohsein bin Haji Salleh, Mufti Wilayah Persekutuan yang pertama.

Beliau mengambil masa selama lebih dua puluh tahun bermula dari awal tahun 1970-an hinggalah beliau meninggal dunia untuk menyelesaikan kitab ini. Sheikh Abdullah Basmeih mengambil rujukan daripada 26 buah kitab hadis yang muktabar dalam rangka melengkapkan Muqadimah Mastika Hadis pada jilid pertama. Mastika Hadis diangkat sebagai sumber rujukan bagi ahli akademik yang mengambil jurusan agama khususnya bidang hadis.

Dengan kemahirannya yang begitu tinggi dalam Bahasa Arab, Sheikh Abdullah Basmeih banyak belajar melalui hasil karya ulama dan penulis dari Timur Tengah dan juga hasil karya penulis dan cendekiawan dari Eropah. Integrasi antara pengetahuannya yang meluas dalam pelbagai bidang ilmu telah membuatkan beliau berupaya menterjemahkan kitab-kitab Arab ke dalam Bahasa Melayu. Terjemahannya banyak dipengaruhi oleh suasana masyarakat Melayu Islam Nusantara sekaligus membuatkan karyanya sesuai dan dekat dengan masyarakat tempatan.

Walaupun pada zaman itu pertembungan di antara aliran kaum muda dan kaum tua sedang hangat berlangsung, beliau mengambil pendekatan yang berkecuali. Namun begitu, aliran yang diikuti oleh Sheikh Abdullah Basmeih jelas adalah aliran kaum tua. Hal ini dibuktikan menerusi terjemahannya berkaitan ayat mutasyabihat di dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Beliau memilih untuk menterjemahkannya secara takwil berdasarkan aliran Asya'irah. Begitu juga dengan keadaan di mana beliau memilih untuk mengamalkan mazhab Shafe'i yang mana selari dengan pegangan aliran kaum tua. (Adi Iskandar, 2019)

Pemergian Beliau Meninggalkan Jasa Dan Ditaburi Anugerah

Sheikh Abdullah Basmeih menghembuskan nafas terakhir semasa berumur 84 tahun pada tanggal 14 Julai 1996 di rumah beliau yang terletak di Jalan Enggang Selatan, Taman Keramat. Jasa dan sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih sangat mempengaruhi dunia akademik apabila kebanyakan artikel, tesis ataupun kertas kajian yang berkaitan dengan Islam banyak merujuk karya agung beliau; Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Mastika Hadis Rasulullah.

Semangat dan kesungguhan beliau dalam memartabatkan Islam dan orang Melayu walaupun beliau sendiri bukan berbangsa Melayu sememangnya wajar dikenang. Pemergiannya merupakan satu kehilangan yang amat besar dan mendukacitakan bagi umat Islam di Malaysia kerana usahanya menterjemahkan Al-Quran dan hadis bukanlah suatu tugas yang mudah dan ia memakan tempoh yang sangat panjang. Beliau sanggup menerima gaji yang rendah walaupun mempunyai anak yang ramai untuk ditanggung.

Kesungguhannya untuk mengembangkan pemikiran masyarakat Melayu di dalam bidang agama sangat wajar dikenang. Ketekunan dan kegigihannya menjadikannya seorang ilmunan dan penterjemah Al-Quran dan Hadis yang tersohor di Malaysia.

Sebagai menghargai jasa beliau yang amat besar kepada negara dan umat Islam, Sheikh Abdullah Basmeih telah dianugerahkan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Yang Dipertuan Agong, Almarhum Tunku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibn Al-Marhum Sultan Badlishah, YDPA ke-5 pada tahun 1973. Seterusnya, beliau juga dianugerahkan pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 1989 daripada al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar, Yang Dipertuan Agong pada waktu itu serta anugerah Johan Mangku Negara (JMN) daripada al-Marhum Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Beliau juga telah dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1415 bersamaan 1994M peringkat Wilayah Persekutuan. Sheikh Abdullah Basmeih telah mengorbankan banyak masa dan tenaga beliau agar

masyarakat Islam di Malaysia dapat memahami serta menghayati Al-Quran dan Hadis dengan baik.

Oleh kerana itu, jasa dan sumbangan beliau wajar dikenang oleh umat Islam kerana pengorbanannya itu memberikan manfaat yang sangat besar kepada perkembangan Islam di negara ini. Tanpa beliau yang memulakan gerakan penterjemahan Al-Quran ke dalam Bahasa Melayu, berkemungkinan masyarakat Malaysia tidak dapat memahami dan menghayati isi kandungan Al-Quran.

Kesimpulan

Terdapat banyak teladan yang dapat diambil daripada hidup seorang tokoh yang terkenal ini iaitu biografi Sheikh Abdullah Basmeih dalam bidang tafsir. Kehidupan beliau yang penuh dengan ujian dan kesabaran yang perlu ditempuhi itu mestilah dijadikan pedoman buat kita semua untuk menjadi generasi yang berilmu walaupun memerlukan usaha yang keras. Semangat dan kesungguhan beliau belajar dari kecil dan mengembara ke sesebuah negara itu perlu dijadikan contoh buat para pelajar supaya melibatkan diri dalam pelbagai bidang sehingga dapat memberi sumbangan buat negara tercinta. Negara Malaysia semestinya bertuah dengan kehadiran beliau sehingga dapat memudahkan para pembaca Al-Quran untuk membuat rujukan dengan mudah apabila mempunyai tafsir terjemahan di dalam bahasa melayu. Oleh itu, kajian ini boleh diambil iktibar kepada kita agar sentiasa menuntut ilmu untuk memberi manfaat buat generasi yang lain seperti yang telah dilakukan oleh Sheikh Abdullah Basmeih ini. Akhir kata, Sheikh Abdullah Basmeih merupakan salah seorang yang mendapat tempat di mata orang Islam kerana banyak memberi manfaat buat ummah terutama dalam bidang tafsir.

Rujukan

- Abdul Halim Bin Brahim (2018). *Manhaj Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran Karya Sheikh Abdullah Basmeih*. Universitas Negeri Sunan Ampel, Surabaya.
- Adriana Batrisyia Binti Amran, Ahmad Bazli Bin Ahmad Hilmi (2021). *Terjemah Makna Analisis Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Analisis Tema*. Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Aerisuli Binti Awang (2011). *Penghayatan Ibadah dan Kesannya terhadap Hubungan Sosial di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*.
- Ahmad Najib Bin Abdullah (2020). *Manhaj Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Dan Al-Quran dan Terjemahannya dalam Pentafsiran Ayat-Ayat Al-Qasas: Kajian Perbandingan Dari Sudut Pengambilan Israiliyyat*. Universiti Malaya.
- Azman Ariffin, Idris Mansor (2022). *Constraints In Translating The Style of Quran into Malay*. *Journal of Language and Linguistic Studies*.
- Azman Ariffin, Kasyfullah Abd. Kadir and Idris Mansor (2018). *Archeological Analysis of Arabic-Malay Translation Works of Abdullah Basmeih*. International Islamic University Malaysia.
- Muhammad Anas Bin Muhammad Rashidi (2021). *Metode Syarah Hadis dalam Mastika Hadis Karya Sheikh Abdullah Basmeih*. Fakulti Ushuluddin dan Filsafat Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.
- Muhammad Arif Musa, Abd Muhaimin Ahmad, Muhammad Hafiz Salleh, Norazman Alias, Hayati Hussin, Zainora Daud (2018). *Terjemahan Ayat Amthal di dalam al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Farid Ravi Abdullah (2011). *Syeikh Abdullah Basmeih Bin Muhammad Basmeih: Kajian Terhadap Mastika Hadis*. Institut Kajian Hadis, Kuis.
- Mohd Iqbal Bin Ahmad Zohdi (2010). *Metode Basmeih dalam Mentafsirkan Ayat dalam Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Fakulti Ushuluddin Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau.
- Mohammad Dhiya'ul Hafidh Fatah Yasin, Muhammad Ihsan Idris, Ku Mohd Syarbaini Ku Yaacob, Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin, Mohammad Roshimi Abdullah (2021). *Etika Penetapan Metodologi Tafsir: Kritikan Terhadap Skripsi Metode Basmeih Dalam Menafsirkan Ayat Dalam Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. KUIPs.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman, Norfazila Ab. Hamid (2017). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman: Tinjauan Terhadap Unsur Kesopanan Dalam Sociolinguistik Melayu*. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal*.
- Norhasnira Binti Ibrahim. (2013). *The Evolution of Quranic Interpretation Writings In Malaysia From The 17th to 21st Century*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Abdul Hayyi Wan Omar, Idris Mansor (2019). *Pemerhatian Terhadap Terjemahan Teks Sejarah Islam ke Dalam Bahasa Melayu*. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*.
- Wan Ramizah Hassan. (2000). *Sumbangan Abdullah Basmeih dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Universiti Malaya.